

JPS pasang 25 siren amaran banjir

KUALA TERENGGANU – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Terengganu memasang 25 siren amaran banjir di seluruh daerah sebagai salah satu persediaan bagi menghadapi kemungkinan berlakunya bencana tersebut.

Setiausaha Keselamatan Negeri, Tajul Ariffin Muhamad berkata, lima siren dipasang di Besut manakala selebihnya di Setiu (6), Hulu Terengganu (5), Kemaman (4), Marang (2), Dungun (2) dan satu di Kuala Terengganu.

Selain siren amaran katanya, JPS turut menempatkan empat kamera di kawasan berisiko tinggi berlakunya banjir untuk memudahkan jabatan itu memantau keadaan iaitu masing-masing dua di Besut dan Setiu.

“Empat kawasan tersebut adalah di Sekolah Kebangsaan Kampung Buluh, Kampung Gong Terap, Jambatan Jerteh dan Kampung La.

“Dengan pemasangan kamera itu, orang ramai boleh mendapatkan maklumat keadaan banjir di lokasi itu secara terus melalui laman web JPS,” katanya ketika ditemui pada Majlis Sambutan Aidilfitri Majlis Keselamatan Negeri di Wisma Seri Amar, semalam.

Tajul Ariffin berkata, sama seperti sebelum ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat

(JKM) Terengganu telah mengenal pasti 353 pusat yang akan digunakan oleh mangsa banjir yang terpaksa berpindah.

Beliau berkata, jumlah itu meningkat berbanding 347 pusat pemindahan pada tahun sebelum ini dan penambahan itu berlaku di Besut dan Setiu yang sering be-

risiko tinggi dilanda banjir.

“Pusat ini boleh menempatkan kira-kira 50,000 orang dalam satu masa. Malah, JKJ juga sudah bersedia dengan 110 pengkalan hadapan yang menyimpan pelbagai makanan dan keperluan asas untuk mangsa banjir,” katanya.



Tajul Ariffin (kiri) beramah mesra dengan tetamu.